



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Hang Tuah Jaya, 76100 Durian Tunggal, Melaka
Tel : 06-331 6188 Faks : 06-331 6115
E-mail : bendahari@utem.edu.my



PEJABAT BENDAHARI

Rujukan Kami (Our Ref.) : UTeM.03.04.01/100-3/3/2 (1)
Rujukan Tuan (Your Ref.) :



7 Februari 2011
3 Rabiul Awal 1432H

SURAT PEKELILING BENDAHARI BILANGAN 1/2011

Ketua Pusat Tanggungjawab
Universiti Teknikal Malaysia Melaka
Durian Tunggal, Melaka

Assalamualaikum wrt. wbt.

Y.Bhg. Datuk/Prof./Dr./Tuan/Puan,

PINDAAN PEKELILING BENDAHARI BILANGAN 3 TAHUN 2003 PINDAAN KADAR DAN SYARAT TUNTUTAN ELAUN, KEMUDAHAN DAN BAYARAN KERANA MENJALANKAN TUGAS RASMI

1.0 TUJUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan pindaan kadar, syarat dan peraturan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2003 (PP 3/03) iaitu kadar dan syarat tuntutan elaun, kemudahan dan bayaran kepada pegawai perkhidmatan awam kerana menjalankan tugas rasmi yang dipinda melalui Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 2010 (SPP 8/10). Kadar, syarat dan peraturan sebelum ini telah diterimapakai melalui Pekeliling Bendahari Bil. 3 Tahun 2003 (PB 3/03).

Turut dimaklumkan berkaitan pindaan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 18 Tahun 1982 (SPP 18/82) mengenai tuntutan perjalanan kenderaan dalam kawasan ibu pejabat selepas waktu pejabat biasa.

2.0 LATAR BELAKANG

Pejabat Bendahari telah menerima pakai Pekeliling Bendahari Bil. 3 Tahun 2003 iaitu berkaitan Penetapan Baru Bagi Kadar-kadar, Syarat-syarat Tuntutan Elaun, Kemudahan dan Bayaran Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Kerana Menjalankan Tugas Rasmi.

Selaras dengan keadaan semasa, Perbendaharaan telah meminda kadar kelayakan Bayaran Sewa Hotel dan Elaun Lojing dalam negeri bagi Kumpulan Sokongan. Selain itu, Perbendaharaan juga memperkemas peraturan bagi tuntutan Elaun Bantuan Gaji Pemandu dan Tambang Perjalanan Bagi Penempatan Selepas Lantikan Pertama.

Kadar Elaun Basikal dinaikkan dan mewujudkan Elaun Motosikal melalui Surat Arahan Perbendaharaan bertarikh 19 Mei 2009. Kadar Elaun Makan dan Pendahuluan Diri Sewa Hotel Semasa Bertugas Rasmi Luar Negeri juga dinaikkan.

3.0 PINDAAN

- 3.1 Kadar bayaran sewa hotel dalam negeri bagi pegawai Gred 1 hingga 40 dipinda seperti berikut :

Gred/Negeri	Negeri Semenanjung Malaysia		Negeri Sabah, Sarawak dan Labuan	
	<i>Lama</i>	<i>Baru</i>	<i>Lama</i>	<i>Baru</i>
	<i>PP 3/03</i>	<i>SPP 8/10</i>	<i>PP 3/03</i>	<i>SPP 8/10</i>
27 hingga 40	100	140	120	160
17 hingga 26	100	130	120	150
1 hingga 16	80	120	100	140

- 3.2 Kadar bayaran elaun lojing dalam negeri bagi pegawai Gred 1 hingga 40 dipinda seperti berikut :

Gred/Negeri	Negeri Semenanjung Malaysia		Negeri Sabah, Sarawak dan Labuan	
	<i>Lama</i>	<i>Baru</i>	<i>Lama</i>	<i>Baru</i>
	<i>PP 3/03</i>	<i>SPP 8/10</i>	<i>PP 3/03</i>	<i>SPP 8/10</i>
27 hingga 40	35	45	40	50
17 hingga 26	35	40	40	45
1 hingga 16	30	35	35	40

3.3 Elaun Bantuan Gaji Pemandu

3.3.1 Syarat-syarat untuk mendapatkan Elaun Bantuan Gaji Pemandu telah diperketatkan kepada :

- a) Pegawai menggaji sepenuh masa seorang pemandu yang berlesen;
- b) Menyertakan dokumen sokongan bayaran yang lengkap seperti salinan surat lantikan pemandu, lesen memandu dan kad pengenalan pemandu;
- c) Tiada pemandu kerajaan diperuntukkan;
- d) Tidak boleh menggunakan kereta dan pemandu kerajaan melainkan dalam keadaan tertentu; dan
- e) Elaun ini tidak boleh dibayar kepada ibu bapa, ibu bapa mertua, suami/isteri dan anak pegawai.

3.4 Bayaran Elaun Basikal dipinda mengikut kadar seperti berikut :

Tempoh	Lama <i>PP 3/03</i>	Baru <i>SPP 8/10</i>
Melebihi 10 hari pada bulan tuntutan dibuat	RM70.00 sebulan Atau; 20 sen/km mengikut mana tertinggi	RM90.00 sebulan Atau; 20 sen/km mengikut mana tertinggi
10 hari dan kurang pada bulan tuntutan dibuat	20 sen/km	20 sen/km mengikut mana tertinggi

3.5 Mewujudkan Elaun Motosikal dengan perkadaran seperti berikut :

Tempoh	Lama Tiada	Baru SPP 8/10
Melebihi 12 hari dalam sebulan	Tiada	RM120.00 sebulan Atau; Menggunakan kadar Elaun Perjalanan Kenderaan mengikut mana lebih tinggi
Kurang 12 hari dalam sebulan	Tiada	Menggunakan kadar Elaun Perjalanan Kenderaan

3.6 Kadar Elaun Makan dan Pendahuluan Diri Sewa Hotel yang layak dituntut bagi tiap-tiap bermalam semasa bertugas rasmi di Luar Negeri dipinda seperti berikut :

Gred	Kadar sehari (RM)	
	Lama PP 3/03	Baru SPP 8/10
Utama/Khas 'A' dan ke atas	340	370
Utama/Khas 'B' dan 'C'	300	340
53 dan 54	270	320
45 hingga 52	200	270
1 hingga 44	Seperti Lampiran 1	

3.7 Tambang Perjalanan Bagi Penempatan Selepas Lantikan Pertama

3.7.1 Seorang pegawai yang baru pertama kali dilantik ke dalam perkhidmatan kerajaan layak membuat tuntutan perjalanan mengikut kelayakan pegawai setelah memegang jawatan yang ditawarkan terhad kepada perkara berikut:

- (i) Perjalanan dari tempat kediaman ke mana-mana tempat yang diarahkan sehingga ke pejabat yang diarahkan bertugas secara tetap;

- (ii) Tambang pengangkutan awam/ tuntutan perjalanan kenderaan/ tiket kapal terbang yang boleh dituntut bagi keluarga hanya dari tempat kediaman ke tempat penempatan tetap pegawai.

3.8 Tuntutan perjalanan selepas waktu bekerja dan hari cuti

3.8.1 Pegawai **tidak dibenarkan** membuat tuntutan perjalanan iaitu Elaun Perjalanan Kenderaan dan Tambang Pengangkutan Awam bagi perjalanan dari rumah ke pejabat atau sebaliknya pada setiap hari bekerja biasa.

3.8.2 Pegawai hanya layak membuat tuntutan jika diarahkan **secara bertulis** oleh Ketua PTj untuk datang kembali ke ibu pejabat atau ke mana-mana tempat yang diarahkan **bagi menjalankan tugas rasmi** selepas waktu bekerja biasa atau pada hujung minggu dan hari kelepasan am.

(i) *Contoh tuntutan yang **dibenarkan**;*

Pegawai diarahkan menghadiri bengkel rasmi di Utara Malaysia dan perlu menaiki kenderaan Universiti. Bertolak pada jam 10.00 malam hari Rabu. Oleh itu pegawai layak menuntut Elaun Perjalanan Kenderaan untuk datang semula ke ibu pejabat pada hari berkenaan.

(ii) *Contoh tuntutan yang **tidak dibenarkan**;*

Pegawai diarah menjalankan kerja lebih masa untuk memantau proses pemasangan *backdrop* di Dewan Besar sempena Majlis Konvokesyen UTeM. Surat arahan telah dikeluarkan sehari sebelum dan kerja-kerja lebih masa tersebut hanya bermula pada jam 8.00 malam. Staf telah memilih untuk pulang ke rumah terlebih dahulu dan kembali semula ke ibu pejabat untuk memulakan tugas.

Tuntutan perjalanan untuk pulang ke rumah dan datang semula ke kawasan ibu pejabat tidak dibenarkan. Tuntutan hanya dibayar jika arahan dibuat tanpa perancangan (kecemasan) untuk hadir semula ke kawasan ibu pejabat.

3.9 Tuntutan Perjalanan Bagi Menghadiri Acara Rasmi Kerajaan

3.9.1 Pegawai yang diarahkan oleh Ketua PTj untuk menghadiri upacara rasmi Kerajaan pada hari bekerja biasa, hari rehat mingguan dan hari kelepasan am layak mengemukakan tuntutan perjalanan terhadap kepada :

- a) Acara rasmi anjuran Kerajaan bagi sambutan hari-hari kebesaran yang diisytiharkan sebagai kelepasan cuti am peringkat kebangsaan/ negeri sahaja seperti Sambutan Hari Kebangsaan, Hari Pekerja dan seumpamanya;
- b) Mendapat arahan bertulis dari Ketua PTj untuk hadir; dan
- c) Bayaran tuntutan perjalanan menggunakan peruntukan PTj yang mengeluarkan arahan atau sebaliknya.

3.10 Dengan ini para 3.0 Pekeliling Bendahari Bil. 3/2003 bagi Gred 1 hingga Gred 40 adalah dipinda seperti para 3.1 hingga para 3.8.

3.11 Pindaan kadar seperti tersebut di atas secara langsung meminda nama Kole, Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia seperti di Pekeliling Bendahari Bil. 3/2003 kepada Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

4.0 SENARAI LAMPIRAN

4.1 Lampiran 1 – Kadar Elaun Makan dan Pendahuluan Diri Sewa Hotel semasa bertugas rasmi di Luar Negeri

5.0 KUATKUASA PEKELILING

Pekeliling ini berkuatkuasa dari tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih. *Wassalam.*

Saya yang menurut perintah,



(KHAIRUL BIN TAIB)

Bendahari

Pejabat Bendahari

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

s.k **Y. Bhg. Prof Datuk Dr. Ahmad Yusoff Bin Hassan**
Naib Canselor

Y. Bhg. Dato' Prof. Dr. Mohd Nor Bin Husain
Timbalan Naib Canselor Akademik & Antarabangsa

Y. Bhg. Prof. Dato' Dr. Mohamad Kadim Bin Suaidi
Timbalan Naib Canselor Penyelidikan & Inovasi